



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[NATIONAL AGRICULTURE POLICY (DPN3) & NATIONAL AGRO FOOD POLICY (NAP): ANALYSIS OF RICE AND RICE FOUNDATION FOODS ACCORDING TO ISLAM]

DASAR PERTANIAN NEGARA KETIGA (DPN3) & DASAR AGROMAKANAN NEGARA (DAN): ANALISIS TERHADAP MAKANAN ASASI BERAS DAN PADI MENURUT ISLAM

MOHD BORHANUDDIN BIN ZAKARIA^{1*}
AMIR HUSIN BIN MOHD NOR²
NOOR LIZZA BT MOHAMED SAID³
MD. YAZID BIN AHMAD⁴
JUAIRIAH BINTI HASAN⁵

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UnisZA, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman

²Jabatan Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM, Nilai Negeri Sembilan

³Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM Bangi Selangor Darul Ehsan

⁴Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM Bangi Selangor Darul

⁵Universiti Kebangsaan Malaysia UKM Bangi Selangor Darul Ehsan

*Corresponding author: borhandin333@gmail.com

Received Date: 7 November 2016 • Accepted Date: 28 January 2017

Abstract

National Agriculture Policy (DPN 3) 1998-2010, and the National Agro Food Policy (NAP) 2011-2020 is the transformation of the government to improve the country's food quality. However, there are shortcomings in the realization of achieving food self-sufficiency level of at least 80%. This study aims to examine the needs of basic food supplies of rice from the perspective of Islam. The research methodology used in this study is content analysis, the data were analyzed through descriptive approach with a combination of qualitative approach of analyzing the text, including the analysis of documents such as official reports, circulars, annual reports, statements of position, financial plan, reports agencies, and transcripts. The study found that the concept of jurisprudence awlawiyyah in improving the quality of food and income country emphasizes on clean and halal food products. Implication of the study suggests that the development of agricultural land on which the agency involved is Ministry of Agriculture & Agro-based Industry must be given attention. The DPN and the DAN are expected to play a role in promoting the growth of the agricultural sector and farmers in line with the development of holistic development.

Key Words: National Agricultural Policy (DPN), the supply of basic food supplies of from the perspective of Islam.

Abstrak

Dasar Pertanian Negara (DPN 3) 1998-2010, dan Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2011-2020 merupakan satu transformasi kerajaan bagi meningkatkan kualiti makanan negara. Namun terdapat kepincangan dalam merealisasikan untuk mencapai tahap sara mampu diri makanan negara sekurang-kurangnya 80%. Kajian ini bertujuan meneliti keperluan bekalan makanan asasi padi dan beras mengikut perspektif Islam. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan, data-data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan deskriptif dengan gabungan pendekatan kualitatif iaitu menganalisis teks termasuk menganalisis dokumen-dokumen seperti laporan- laporan rasmi, surat pekeliling, laporan tahunan, laporan jabatan, rancangan kewangan, laporan agensi, dan transkrip. Hasil kajian mendapati bahawa konsep fiqh awlawiyyah dalam meningkatkan kualiti makanan dan pendapatan negara, menekankan produk pemakanan yang halal dan bersih. Implikasi kajian mencadangkan pembangunan tanah pertanian Islam ke atas agensi yang terlibat khusus seperti Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani harus diberi perhatian. Dasar Pertanian Negara DPN dan DAN diharapkan agar memainkan peranannya dalam menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian dan pembangunan petani selaras dengan pembangunan Islam secara syumul.

Kata kunci: Dasar Pertanian Negara (DPN), Keperluan bekalan makanan asasi padi dan beras mengikut perspektif Islam.

Cite as: Mohd Borhanuddin bin Zakaria, Amir Husin bin Mohd Nor, Noor Lizza bt Mohamed, Said Md. Yazid bin Ahmad, & Juairiah binti Hasan. 2017. Dasar Pertanian Negara Ketiga (Dpn3) & Dasar Agromakanan Negara (Dan): Analisis Terhadap Makanan Asasi Beras Dan Padi Menurut Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 14(1): 28-42.

PENGENALAN

DPN 3 (1999) digubal untuk mengatasi kelemahan yang terdapat dalam DPN 2 (1984) dan juga untuk menangani krisis mata wang pada tahun 1997, kemerosotan ekonomi yang melanda negara, kos pengimportan bahan makanan yang tinggi serta liberalisasi perdagangan di bawah rangka kerja AFTA dan WTO, memaksimumkan penggunaan sumber-sumber terhad yang sedia ada seperti tanah, buruh dan bahan mentah, di samping memperkukuh daya saingan sektor pertanian negara (Mahzan, 1997) untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam pengeluaran makanan (Chamhuri & Norshamliza, 2009). DPN 3 (1999) juga cuba mengubah sektor pekebun kecil dan untuk memastikan pembangunan pertanian dan perhutanan yang mampan serta dapat disesuaikan dengan perkembangan terbaru yang berlaku di dalam dan luar negara (Noraini & Ishak, 2009).

Manakala, Dasar Agro makanan Negara (DAN) (2014) merupakan Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi Ekonomi menjadi landasan utama pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi (*Dasar Komoditi Negara*, 2012). Matlamat ini memerlukan sumbangan yang lebih signifikan daripada semua sektor termasuk industri agro makanan untuk memastikan negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang disasarkan. Justeru itu, transformasi dan pemodenan industri agro makanan akan diteruskan bagi membolehkan industri ini meningkatkan produktiviti dan daya saing serta mewujudkan lebih ramai lagi usahawan tani berpendapatan tinggi (*Dasar Agro makanan Negara*, t.t.; Anon, 2014).

KEUTAMAAN (DPN 3) TERHADAP MAKANAN ASASI

Rekod bagi pengeluaran beras untuk sejumlah 30 juta penduduk negara. Nyata sekali tidak mampu memenuhi keperluan negara secukupnya (Buku Perangkaan Pertanian, 2008). Walaupun benih-benih padi baru yang bermutu tinggi telah dicipta, infrastruktur fizikal seperti sistem pengairan dan perparitan yang serba canggih serta lain-lain kemudahan dapat dibekalkan, namun pengeluaran padi negara terus menurun (Ahmad, t.t.; Basri, 2009). Keseluruhan kawasan jelapang padi negara hanya mampu menghasilkan 1.2 juta metrik tan beras sahaja setahun iaitu 65% dari keperluan negara. Bakinya terpaksa diimport daripada pelbagai negara di Asian. Manakala, tahap sara diri (ssl) bagi komoditi makanan 1990-2010 menunjukkan 65% sahaja pengeluaran beras pada tahun 2010. Lihat jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Tahap sara diri (ssl) bagi komoditi makanan 1990-2010

Perkara	1990	1995	2000	2010^a
beras	80	75	65	65
Buah-buahan	94	103	115	120
Sayur-sayuran	93	87	115	125
Keluaran Perikanan	91	91	160	170
Daging Lembu	30	22	30	14
Daging Kambing	10	06	43	21
Daging Ayam/Itek	115	114	139	139
Daging Babi	117	101	45	02
Telur	109	114	120	125
Susu	04	04	05	10

Nota: ^a Ramalan oleh Kementerian Kewangan Malaysia

Sumber: Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000; Laporan Ekonomi Laporan Ekonomi 1990- 2000.

Penggunaan beras dijangka meningkat daripada 2.30 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.69 juta tan metrik pada tahun 2020 (Perangkaan Agromakanan, t.t.) iaitu pertumbuhan sebanyak 1.6% setahun disebabkan oleh pertambahan penduduk (Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan, h. 3; Mahzan, 1997; Basri Abdul Talib, 2009). Pengeluaran padi pula dijangka meningkat daripada 2.55 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.91 juta tan metrik pada tahun 2020 iaitu pertumbuhan sebanyak 1.3% setahun. Pengeluaran ini akan dicapai melalui peningkatan produktiviti daripada 4.0 tan metrik sehektar pada tahun 2010 kepada 5.0 tan metrik sehektar pada tahun 2020. Intensif penanaman akan ditingkatkan daripada 142% pada tahun 2010 kepada 157% menjelang tahun 2020 atau purata kekerapan penanaman daripada 1.42 kali setahun pada tahun 2010 kepada 1.57 kali setahun

menjelang tahun 2020 (Laporan Tahunan 2013, , 2014, h. 14; Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan 2014).

Sebarang kekurangan pengeluaran beras tempatan akan ditampung dengan import termasuk mengadakan perjanjian kontrak jangka panjang dengan negara pengeksport melalui perjanjian eksport minyak sawit atau minyak dan pelaburan timbal balik (Dasar Pertanian Negara Ke-3, 1998- 2010). Perubahan citarasa pengguna yang lebih cenderung kepada beras yang bermutu tinggi seperti beras wangi dan penggunaan produk berasaskan beras seperti bihun, bijirin dan tepung beras berikutan peningkatan pendapatan dan taraf hidup membuka peluang kepada pengusaha tempatan untuk mengeluarkan beras berkualiti tinggi (Laporan Tahunan 2013; Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan 2014).

DASAR AGROMAKANAN NEGARA (DAN)

DAN yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 12 Januari 2012 bertujuan untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan. Usaha untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli akan diteruskan melalui program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan akan ditumpukan kepada pengeluaran terutamanya beras. Manakala daging, buah-buahan, sayur sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (ssl) yang juga antara makanan yang disasarkan. Dalam hubungan ini, perancangan jangka panjang usaha tersebut akan ditumpukan kepada strategi berikut (*Laporan Tahunan 2013; Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan 2014*) :

- i. Meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan;
- ii. Meningkatkan akses kepada makanan;
- iii. Menstabilkan harga makanan; dan
- iv. Menjamin keselamatan makanan dan pemakanan.

Justeru itu, pengeluaran beras tempatan perlu ditingkatkan bagi memastikan bekalan beras negara mencukupi memandangkan hanya 7% daripada jumlah pengeluaran beras dunia didagangkan. Ketidakstabilan bekalan dan permintaan yang semakin meningkat dan kuantiti dagangan beras di pasaran antarabangsa yang kecil menyebabkan harga beras cenderung mengalami turun naik (Perangkaan Agromakanan, 2013, Kementerian Pertanian, 2013). Ini dapat dilihat apabila harga Thai White Rice (TWR) 5% yang mencapai tahap tertinggi sebanyak USD 1,000 tan metrik semasa krisis makanan dunia pada tahun 2008 berbanding harga purata sebanyak USD 300 tan metrik bagi tempoh 2004 hingga 2006. Sehubungan dengan itu, usaha akan ditumpukan untuk mengukuhkan industri padi dan beras negara melalui peningkatan produktiviti, pengurusan stok penimbal yang cekap dan pengukuhan institusi berkaitan (Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan, 2014).

PENINGKATAN PENGGUNAAN PADI DAN BERAS 2011-2020

Penggunaan beras dijangka meningkat daripada 2.30 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.69 juta tan metrik pada tahun 2020 iaitu pertumbuhan sebanyak 1.6% setahun disebabkan oleh pertambahan penduduk (*Laporan Tahunan, 2013, Kementerian Pertanian, 2014*). Pengeluaran padi pula dijangka meningkat daripada 2.55 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.91 juta tan metrik pada tahun 2020 iaitu pertumbuhan sebanyak 1.3% setahun .

Pengeluaran ini akan dicapai melalui peningkatan produktiviti daripada 4.0 tan metrik sehektar pada tahun 2010 kepada 5.0 tan metrik sehektar pada tahun 2020. Intensif penanaman akan ditingkatkan daripada 142% pada tahun 2010 kepada 157 % menjelang tahun 2020 atau purata kekerapan penanaman daripada 1.42 kali setahun pada tahun 2010 kepada 1.57 kali

setahun menjelang tahun 2020. Sebarang kekurangan pengeluaran tempatan akan ditampung dengan import termasuk mengadakan perjanjian kontrak jangka panjang dengan negara pengeksport melalui perjanjian eksport minyak sawit atau minyak dan pelaburan timbal balik (Perangkaan Agromakanan, 2014).

Ia berikutan penduduk di Malaysia mencecah sebanyak 30.26 juta orang pada tahun 2014. Manakala, Kadar Sara Diri (ssl) terutama bagi makanan asasi bagi tahun 2014 sebanyak 71.6%. Penggunaan perkapita bagi kategori beras pada tahun 2014 ialah sebanyak 78.6%. Walau bagaimana pun kerajaan telah mengimport bekalan beras pada tahun 2011 iaitu sebanyak 1,031 juta tan metrik dan kerajaan terpaksa mengimport dengan kuantiti yang banyak pada tahun 2014 iaitu sebanyak 621,000 juta tan metric (Perangkaan Agromakanan, 2014). Lihat jadual 2 berhubung dengan maklumat penting Malaysia, 2011 -2014.

Jadual 2 : Maklumat penting Malaysia, 2011 -2014

Perkara	2011	2012	2013	2014^e
Penduduk				
1 Malaysia Tahunan (juta)	29.06	29.51	29.92 ^p	30.26
Kadar Sara Diri (ssl)				
Beras	72.0	71.7	71.1	71.6
2 Buah	59.9	57.8	55.2	56.0
Sayur	58.4	58.6	83.7	81.3
Penggunaan per kapita (kg/org/thn)				
Beras	79.3	79.1	78.8	78.6
3 Buah	93.2	93.4	93.6	93.8
Sayur	55.3	56.2	57.3	58.5
Kuantiti Import ('000 tan matrik)				
Beras	1,031	1,006	887	621
4 Buah	611 ^r	658 ^r	693 ^r	713
Sayur	1,358	1,391	1,443	1,475

NOTA:

Maklumat Penduduk diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia-Maklumat import diperolehi daripada Data Perdagangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA).

Mengikuti statistik purata hasil beras mengikut negeri-negeri pada tahun 2011-2015 Kedah mengeluarkan 570,979 juta tan metrik pada tahun 2011 meningkat kepada 593,611 juta tan metrik pada tahun 2015. Negeri Perak pula negeri kedua pengeluar hasil beras dengan 210,239 juta tan metrik pada tahun 2011 dan seterusnya mengalami kemerosotan pada tahun 2015 dengan pengeluaran beras sebanyak 233,141 juta tan metrik berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 236,713 juta tan metrik (*Booklet Statistik, 2015; Perangkaan Agromakanan, 2014*). Ini bermakna pengeluaran purata hasil beras mengikut negeri termasuk di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sebanyak 1,735,905 juta tan metrik pada tahun 2015. Lihat jadual 3 purata hasil beras mengikut negeri, 2011-2015 :

Jadual 3 : Purata hasil beras mengikut negeri, 2011-2015

Negeri	2011 Purata hasil (kg/ha)	2012 Purata hasil (kg/ha)	2013 Purata hasil (kg/ha)	2014 Purata hasil (kg/ha)	2015 Purata hasil (kg/ha)
Johor	7,461	7,540	8,710	8,808	8,742
Kedah	570,979	556,559	577,958	584,417	593,611
Kelantan	177,324	162,700	139,915	141,480	165,721
Melaka	4,879	4,983	6,472	6,545	5,636
N. Sembilan	4,190	5,501	5,476	5,538	5,636
Pahang	17,621	22,486	20,457	20,685	22,467
Perak	210,239	239,354	234,088	236,713	233,141
Perlis	151,238	160,539	163,442	165,270	165,710
Pulau Pinang	93,998	92,796	94,333	95,388	98,540
Selangor	143,842	147,277	154,436	156,164	153,571
Terengganu	50,567	50,376	46,706	53,392	52,463
Sem. Malaysia	1,432,338	1,450,111	1,451,993	1,474,440	1,505,459
Sabah	83,320	79,859	73,130	75,745	76,227
Sarawak	145,602	145,011	152,245	153,949	154,219
Malaysia	1,661,260	1,674,981	1,677,368	1,704,094	1,735,905

ANALISIS DASAR AGROMAKANAN NEGARA (DAN) DALAM DPN 3**Mengimbas Kembali Pencapaian Dan Dalam Dpn 3**

Pada tahun 2000 sektor pertanian menyumbang sebanyak RM 30.6 bilion atau 8.6% kepada KDNK. Daripada jumlah tersebut industri agromakanan telah menyumbang sebanyak RM 11.9 bilion atau 3.3% kepada KDNK (Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan 2014). Sumbangan ini meningkat kepada RM 18.9 bilion atau 3.4% pada tahun 2010 KDNK (Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan 2014). Industri agromakanan telah mencatatkan kadar pertumbuhan nilai ditambah yang tebih tinggi iaitu sebanyak 4.7% setahun dalam tempoh 2000 hingga 2010 berbanding sasaran pertumbuhan 4.4% setahun. Pencapaian ini disumbangkan oleh peningkatan produktiviti dan perkembangan industri ternakan, tanaman dan perikanan. Dalam tempoh tersebut, sumbangan industri agromakanan kepada nilai ditambah sektor pertanian meningkat daripada 38.8% kepada 46.4%.

Industri asas tani turut berkembang dalam tempoh yang sama seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan nilai ditambah Industri makanan dan minuman daripada RM 4.7 bilion kepada RM 8.2 bilion serta lemak, minyak sayur-sayuran dan binatang daripada RM 2.4 bilion kepada RM 4.5 bilion. Sumbangan industri agromakanan kepada jumlah eksport negara telah meningkat daripada 1.2% pada tahun 2000 kepada 1.5% pada tahun 2010. Peningkatan kepada sumbangan eksport negara juga ditunjukkan oleh industri asas tani yang produk makanan dan minuman telah menyumbang sebanyak 1.3% pada tahun 2000 kepada 2.8% pada tahun 2010. Jumlah sumbangan eksport makanan dan produk makanan kepada jumlah eksport negara telah meningkat daripada 2000-2010 iaitu 2.6% kepada 4.2% (Perangkaan Agromakanan, 2014). Jadual 4 menunjukkan sumbangan sektor pertanian kepada keluaran dalam negeri kasar, KDNK 2000-2010 :

Butiran	2000		2005		2010*		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	2001-2005	2006-2010	2001-2010
Pertanian	30,647	8.6	35,835	8.0	40,680	7.3	3.2	2.6	2.9
Tanaman Industri	18,759	5.3	22,031	4.9	21,822	3.9	3.3	-0.2	1.5
Agromakanan	11,888	3.3	13,805	3.1	18,858	3.4	3.0	6.4	4.7
Perlombongan	37,617	10.6	42,272	9.5	40,338	7.2	2.5	-1.0	0.7
Pembuatan	109,998	30.9	137,940	30.7	154,621	27.7	4.6	2.3	3.5
Pembinaan	13,971	3.9	14,685	3.3	18,220	3.3	1.0	4.4	2.7
Perkhidmatan	17,649	4.9	17,742	3.9	23,099	4.1	0.5	5.4	2.9

Tolak: FISIM yang tidak diagihkan	17,308	4.9	17,742	3.9	23,099	4.1	0.5	5.4	2.9
Campur: Duti Import	5,826	1.6	6,017	1.3	7,064	1.3	0.6	3.3	1.9
JUMLAH NILAI DITAMBAH (RM JUTA)	356,400	100.0	449,250	100.0	558,383	100.0	4.7	4.4	4.6

(Anggaran Sumber Bank Negara Malaysia)

Keluasan tanah pertanian terhakis

Jumlah keluasan tanah pertanian bagi aktiviti pengeluaran makanan telah menurun sebanyak 0.8% setahun dalam tempoh 2000 hingga 2010 (Perangkaan Agromakanan 2014). Penurunan ini adalah berikutan penukaran kawasan tanaman makanan kepada tanaman kelapa sawit serta pembangunan kawasan kediaman dan industri (Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan, 2014). Kadar pertumbuhan tahunan purata tanaman padi tahun 2001- 2005 sebanyak 1.4 %. Manakala, kadar pertumbuhan penggunaan penanaman padi 2010 hanya 0.5% sahaja. Lihat jadual 5 penggunaan tanah industri agromakanan, 2000-2010:

Jadual 5 : Penggunaan tanah industri agromakanan, 2000-2010

Butiran	2000	2005	2010*	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
				2001-2005	2006-2010	2001-2010
Tanaman	980.1	881.3	890.2	(2.1)	0.2	(1.0)
Padi	466.5	435.3	444.3	(1.4)	0.4	(0.5)
Buah-buahan	315.0	293.1	298.4	(1.4)	0.4	(0.5)
Sayur-sayuran	34.4	26.0	29.6	(5.4)	2.6	(1.5)
Florikultur	1.6					
Herba & Rempah Ratus	4.0	3.9	5.5	(0.5)	6.9	3.1
Kelapa	158.6	121.0	110.0	(5.3)	(1.9)	(3.6)
Perikanan	19.2	22.5	32.0	3.2	7.3	5.2
Akuakultur	15.6	15.7	21.8	0.1	6.8	3.4
Rumpai Laut	3.2	6.3	9.2	14.3	7.9	11.0
Ikan Hiasan	0.4	0.5	1.0	8.4	13.4	10.9

Jumlah **999.3** **903.8** **922.2** **(2.0)** **0.4** **(0.8)**

Sumber: Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Pengeluaran komoditi makanan utama telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan iaitu pada kadar 3.7% setahun walaupun berhadapan dengan beberapa krisis pada peringkat global termasuk krisis minyak dan kewangan yang telah rningkatkan kos pengeluaran makanan. Antara komoditi yang menunjukkan pertumbuhan yang tinggi ialah daging kambing, daging lembu, susu dan akuakultur. Peningkatan pengeluaran industri agromakanan ini selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan negara. Persekitaran yang kondusif turut menggalakkan pihak swasta bersama-sama petani, penternak dan nelayan untuk menyumbang kepada pertumbuhan baik industri ini (Dasar Agromakanan Negara 2011-2020; Perangkaan Agromakanan, 2014). Lihat jadual 6 berkaitan pengeluaran komoditi makanan utama, 2000-2010 ('000 tan metrik) :

Jadual 6 : Pengeluaran komoditi makanan utama, 2000-2010 ('000 tan metrik)

Butiran	2000	2005	2010*	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
				2001-2005	2006-2010	2001-2010
Tanaman	2,914	3,774	4,061	5.3	1.5	3.4
Beras	1,382	1,492	1,642	1.5	2.0	1.7
Buah-buahan	1,027	1,612	1,768	9.4	1.9	5.6
Sayur-sayuran	505	672	651	5.9	-0.6	2.6
Ternakan	1,287	1,676	2,186	5.4	5.5	5.4
Daging Lembu/Kerbau	18	29	47	10.0	10.1	10.1
Daging Kambing/Bebiri	1	2	2	10.8	9.9	10.3
Daging Ayam/Itik	714	980	1,269	6.5	5.7	6.1
Daging Babi	160	218	234	6.4	1.4	3.9
Telur	365	406	540	2.2	5.9	4.0
Susu	29	41	67	7.2	10.3	8.7
Ikan / Makanan	1,089	1,084	1,338	-0.1	4.3	2.1
Perikanan Laut	937	908	989	-0.6	1.7	0.5
Akuakultur	152	176	349	3.0	14.7	8.7
JUMLAH	5,290	6,534	7,585	4.3	3.0	3.7

Ringkasnya, hasil produktiviti pertanian bagi keperluan makanan menunjukkan peningkatan keluaran dalam tempoh 2000 hingga 2010. Kawasan penanaman padi dan peningkatan intensif penanaman dan pengusahaan pertanian secara berskala besar serta penggunaan teknologi terkini menyumbang kepada peningkatan produktiviti makanan termasuk padi dan beras.

MAKANAN ASASI BERDASARKAN FIQH KEUTAMAAN

Jika dilihat dari sudut pandangan Islam, sektor pertanian DPN dan DAN adalah merupakan pembangunan yang dharuriyyat dalam menyeimbangkan kerangka khusus untuk memajukan sektor makanan asasi padi dan beras serta pengembangan ekonomi, keadilan masyarakat dan menjaga kemaslahatan serta pemuliharaan alam sekitar (Zubair Hassan, 2006) ia mestilah berlandaskan kepada lima maqasid sharciyyah seperti yang terdapat di dalam kitab-kitab fiqh, iaitu:

- i. Pemeliharaan agama;
- ii. Perlindungan nyawa;
- iii. Pemeliharaan akal (al-Zarqa, 1968)
- iv. Pemeliharaan keturunan;
- v. Perlindungan harta benda;
- vi. Menjaga nama baik (al-Qardhawi, 2015).

Memelihara kemurnian dan kepentingan agama adalah merupakan perkara dharurat (mesti) yang paling utama dan perlu didahulukan ke atas perkara-perkara dharurat yang lain, hatta jiwa sekalipun.

Begitu juga, memelihara keselamatan jiwa mesti diutamakan dan didahulukan ke atas perkara-perkara darurat yang selebihnya (Amin al-Jarumi, 2010). Para fuqaha telah merumuskan beberapa kepentingan yang mesti diikuti dalam fiqh („Abd Karim, 1996; al-Zuhaily, 1995; al-Zuhayr, t.t.) antaranya ialah :

- i. Mengutamakan kemaslahatan yang telah diyakinkan terjadinya ke atas kemaslahatan belum dapat diyakinkan berlakunya (al-Qardhawi, Yusuf, 1998),
- ii. Mengutamakan kemaslahatan yang besar ke atas kemaslahatan yang lebih kecil,
- iii. Mengutamakan kemaslahatan jamaah (orang ramai) ke atas kemaslahatan seseorang individu,
- iv. Mengutamakan kemaslahatan golongan yang lebih banyak ke atas kemaslahatan golongan yang lebih sedikit (Mohd Akhir, 1991),
- v. Mengutamakan kemaslahatan yang kekal dan abadi ke atas kemaslahatan yang bersifat sementara dan terhad,
- vi. Mengutamakan kemaslahatan yang asasi dan mendasar ke atas kemaslahatan sampingan dan pinggir,
- vii. Mengutamakan kemaslahatan masa depan yang kuat ke atas kemaslahatan sekarang yang lemah.

Berdasarkan prinsip-prinsip ini, pihak yang menggubal segala polisi dan dasar mestilah mengutamakan sektor pertanian yang melibatkan makanan asasi dalam konteks di Malaysia. Tanggungjawab pemerintah mestilah menjamin supaya bekalan asasi tidak tergendala dan terputus, bukannya berharap kepada import dari negara-negara luar semata-mata.

PERTANIAN ANTARA (AL-MAFSADAH) KEROSAKAN DAN (AL-MADHAR) KEMUDARATAN

Kerosakan dan kemudaratan tidak semuanya berada dalam peringkat dan darjat yang sama, ia boleh berbeza-beza dan berperingkat-peringkat. Kerosakan yang menghalangi perkara al-dharuriyyat (dharurat), tidak sedarjat dengan yang menghalangi perkara al-hajiiyyat (keperluan) dan juga tidak sedarjat dengan yang menghalangi perkara al-tahsiniyyat (pelengkap dan penyempurna) (Zaydan, 1994; al-Zuhaily, 1995).

Kerosakan yang menimpa harta benda lebih rendah darjatnya daripada yang menimpa jiwa, dan kerosakan yang menimpa jiwa lebih rendah darjatnya daripada yang menimpa agama dan akidah (Zaydan, 1994; al-Zarqa', 1968). Kesimpulannya, al-mafasid (kerosakan) dan al-madhar (kemudaratan) itu berbeza-beza dan berperingkat-peringkat. Para fuqaha" telah menyusun beberapa kaedah hukum, antaranya (al-Zarqa', 1968):

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya :

"Dilarang menyebabkan timbulnya kemudaratan (kerosakan/kerugian), dan dilarang membalas balik kemudaratan/kerugian kepada orang lain".

الضرر يزال بقدر الإمكان

Maksudnya :

"Kemudaratan (kerosakan/kerugian) mesti dihalangi terjadi, sekadar kemampuan".

الضرر لا يزال بضرر مثله أو أكبر منه

Maksudnya :

"Kemudaratan itu tidak boleh dihalangi dengan melakukan kemudaratan (kerosakan) yang seumpama atau yang lebih besar daripadanya".

يرتكب أخف الضررين وأهون الشرين

Maksudnya :

"Apabila ada dua kemudaratan bertembung, maka dibolehkan melakukan kemudaratan (kerosakan/kerugian) yang lebih kecil dan lebih kurang akibatnya".

يتحمل الضرر الأدنى لدفع الضرر الأعلى

Maksudnya :

"Untuk menghalangi kemudaratan yang lebih besar, maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang lebih kecil".

يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

Maksudnya :

"Untuk menghalangi kemudaratan yang akan menimpa orang ramai, maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang akan menimpa seseorang peribadi".

Justeru, mengeluarkan makanan asasi beras dan padi serta membangunkan sektor pertanian dan memakmurkan tanah terbiar, termasuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi

yang pesat dan menghasilkan produk makanan yang berkuailiti merupakan perkara dharuri mengikut pandangan Islam (Khursihid Ahmad,1981).

PERTANIAN BERDASRKAN KEUTAMAAN MAKANAN ASASI

Para ulama berbeza pandangan, tentang pekerjaan mulia dan utama sama ada pertanian, perkilangan ataupun perniagaan. Perbezaan pendapat ini berpunca daripada beberapa hadis Nabi Muhammad s.a.w yang menerangkan keutamaan setiap satu daripada tiga perkara tersebut. Dalam menjelaskan keistimewaan pertanian Rasulullah s.a.w bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ

Maksudnya :

“Sesiapa daripada kalangan orang Islam menanam sebatang pokok atau menenai benih, kemudian (pokok tumbuhan tersebut) dimakan oleh burung, manusia ataupun haiwan, semuanya itu (akan menjadi) sadaqah bagi dirinya”.(Muhammad Ismail, 1987-1407.)

Dalam menjelaskan keutamaan perkilangan dan perindustrian, Nabi Muhammad s.a.w bersabda maksudnya :

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ، خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ، وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ

Maksudnya :

“Tiada sesuatu makanan pun yang dimakan oleh seseorang yang lebih baik dari hasil perbuatannya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Allah Daud a.s adalah memakan dari hasil perbuatannya sendiri”. (Muhammad Ismail, Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja“fi, 1987-1407).

Dalam menjelaskan keutamaan perniagaan, Baginda Rasulullah s.a.w bersabda,

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

Maksudnya :

“Peniaga yang jujur akan dibangkitkan bersama-sama para Nabi, al-Siddiqin dan syuhada”.
(Muhammad Ibn Isa Abu Isa al-Tirmizi, t.t.).

Justeru, hadith-hadith di atas tersebut, sebahagian fuqaha“ mengutamakan pertanian daripada salah pekerjaan tersebut. Namun, para fuqaha“ dari kalangan mengatakan “Kami tidak boleh menentukan sekaligus salah satu jenis pekerjaan yang paling utama dari ketiga jenis ini; namun keutamaan dan keistimewaannya dilihat dari sudut hajat dan keperluan umat semasa”. Iaitu apabila keperluan produk makanan asasi iaitu beras dan padi berkurangan, sehingga masyarakat akan menghadapi kesusahan dan kesulitan hidup, maka gagasan dasar Pertanian Negara (DPN) dan Dasar Agromakanan Negara (DAN) adalah menjadi lebih dharuri dan sangat penting, demi memelihara masyarakat daripada bahaya kelaparan dan kebuluran. Kesabaran dan ketekunan dalam pertanian adalah merupakan pekerjaan yang paling utama (al-Jammal, 1992).

Apabila makanan asasi sudah melebihi keperluan dan ladang pertanian sudah disediakan dengan luas; dan masyarakat memerlukan barang-barang keperluan harian, maka pada saat ini

perhatian perlu ditumpukan kepada sektor perkilangan dan perindustrian (al-Shalabi, 1985M-1405H).

Apabila keperluan makanan dan barangan buatan dalam negara sudah mencukupi keperluan harian dan hajat masyarakat, sehingga tidak perlu lagi mengimport dari luar (al-Zuhaily, 1996) maka pada ketika ini, sektor perniagaan adalah menjadi sangat utama dan penting untuk ditekuni dan diberikan tumpuan yang sewajarnya. Namun perkara yang sangat dharuri umat Islam dewasa ini adalah penguasaan dan kepakaran dalam bidang teknologi mutakhir. Tanpa penguasaan kepakaran ini dengan cemerlang, maka akan sangat sukar untuk terus mara ke depan, bersaing dengan kuasa-kuasa dunia lain yang sudah lebih dahulu memiliki kepakaran dalam bidang tersebut. Hal ini bermakna bahawa penguasaan kepakaran teknologi canggih sudah menjadi satu tuntutan yang tidak boleh ditangguhkan lagi apabila umat Islam ingin mara ke depan membawa dan mengembangkan risalah Islam ke seluruh pelusuk dunia (al-Qardhawi, 1998).

Dalam memastikan hasrat tersebut, perlu adanya pengembangan dan pembaharuan dalam metodologi dan kurikulum pendidikan yang selaras dengan cita-cita. Penguasaan dan kepakaran ilmu pengetahuan, sains moden dan perkara yang berhubung erat dengan pekerjaan sudah menjadi keutamaan dan prioriti tugas-tugas kaum Muslimin secara keseluruhan (al-Qardhawi, 1998).

PENUTUP

Dasar Pertanian Negara (DPN) & Dasar Agromakan Negara (DAN) harus mencari jalan terbaik bagi mencapai objektif yang digariskan iaitu memperkasa makanan asasi beras dan padi. Maka satu mekanisma baru harus diketengahkan dengan mengambil kira masalah lalu dan halangan serta cabaran yang dijangkakan pada masa akan datang kerana pertambahan penduduk negara Malaysia meningkat 30 juta pada masa kini. Justeru, transformasi kerajaan terhadap sektor pertanian dengan penggabungan DPN dan DAN adalah bertepatan menghadapi gagasan 2020.

Permintaan terhadap makanan asasi akan meningkat dengan pesat. Sebarang kekurangan dalam pengeluaran makanan dalam negara akan mengakibatkan pengaliran matawang keluar negara. Sehubungan dengan itu, perkembangan pertanian berteraskan konsep *tauhidiah, rububiyah, tazkiyah, tanmiyah, khilafah, insaniyyah, akhlaqiyyah* yang menerapkan nilai-nilai kerohanian Islam termasuk pemuliharaan alam sekitar dan sekuriti pembangunan perlu diaplikasikan sepenuhnya bagi membantu meningkatkan lagi produktiviti sektor pertanian negara terutamanya beras. Langkah-langkah yang berbentuk proaktif ini akan membantu keupayaan sektor pertanian untuk bersaing, bukan sahaja dengan lain-lain sektor dalam negara tetapi juga dengan pasaran antarabangsa.

RUJUKAN

- Ahmad Bakhis al-Ghazali, Abd Halim Mansor & Ahmad Muhammad Zaki. 2008. *Muqaddimah al-Syariah al-Islamiyyah*. cet. 1. Mesir: Dar al-Fikr al-Iskandariyyah.
- Ahmad Mahzan Ayob. 1997. *Pembangunan Pertanian: Ekonomi, Dasar, dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qardhawi, Yusuf. 1998. *Peranan Nilai Dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*. cet. 1. Kuala Lumpur: Blue t.t Sdn. Bhd.
- al-Sahi, Shawqi °Abduh. 1984M -1404H. *al-Mal wa Turuq Istithmarihi fi al-Islam*. cet. 2. Mesir: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- al-Shalabi, Muhammad. 1985M-1405H. *al-Madkhal fi al-Ta'rif bi al-Fiqh al-Islami*. Beirut Lubnan: Dar al-Nahdah al-cArabiyyah.

- al-Suyuti, al-Imam Jalal al-Din °Abd Rahman Ibn Abi Bakr. 1998M-1419H. *al-Ashbah Wa al-Nazair*. jil. 2. cet.1. Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1968. *al-Madkhal al-Fiqh al-°Am al-Islami Fi Thawbi al-Jadid*. jil. 1. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaily, Wahbah. 1996. *Fiqh Perundangan Islam*. Jilid V. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amin al-Jarumi. 2010. *Usul Fiqh Prinsip-Prinsip Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Teknologi Mara.
- Basri Abdul Talib. 2009. *Kepentingan dan Masa Depan Sektor Pertanian, Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar & Norshamliza Chamhuri. 2009. *Strategi dan Prospek Mencergas Semula Sektor Pertanian Negara*. Dlm. *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia. 1984. *Kajian Semula Dasar Pertanian Negara DPN (1984)*.
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia. 2012. *Dasar Komoditi Negara 2011-2020*. Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia. 2015. *Booklet Statistik Tanaman-Sub Sektor Tanaman Makanan 2015*.
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani. 2008. *Buku Perangkaan Pertanian 2008*. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. 2013. *Perangkaan Agromakanan 2012*. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. 2014. *Dasar Agromakanan Negara 2011- 2020*.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. 2014. *Laporan Tahunan 2013*. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. 2014. *Perangkaan Agromakanan 2014*. Kementerian Pertanian Malaysia. 12 Januari 1984. *Dasar Pertanian Negara*, Kementerian Pertanian Malaysia.
- Kementerian Pertanian Malaysia. 22 Februari 1999. *Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010)*.
- Khursihid Ahmad. 1981. *Studies In Islamic Economics*. Jeddah: Leicester Islamic International Centre For Research In Islamic Economic King Abdul Aziz University.
- Mohd Akhir Hj Yaacob. 1991. *Ahkam al-Adliyyah: Undang-Undang Sivil Islam*. cet. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abu Zuhrah. 1976. *al-Milkiyyah wa Nazairiyyah al-°Aqd fi Syariah al- Islamiyyah*, Kaherah Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Muhammad °Abdul Muncim al-Jammal. 1992. *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Terj. Solahuddin Abdullah. jil. 1. cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ibn Isa Abu Isa al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi, Beirut Dar al-Ahya' al-Turath Islami, *Kitab al-Buyu'*. Bab Ma Jaa Fi al-Tujjar Wa Tasmiyat al-Nabi iyyahum, jil. 3, h. 513
- Muhammad Ismail, Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja°fi, Sahih Bukhari al-Jami° al-Shahih al-Mukhtasar, Beirut Lubnan, Dar Ibn Khathir 1987-1407, jil. 3.
- Noraini binti Hj Idris & Ishak Yusuf. 2009. *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaydan, °Abdul Karim. 1994. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. cet. 1. Iraq Baghdad: Dar al- Tawzi°wa al-Tasyric al-Islamiyy.

Zubair Hassan. 2006. *Sustainable Development from an Islamic Perspective: Meaning, Implications, and Policy Concerns*. Journal Islamic Economics, 19(1): 3-18.